

COVID-19 RELIEF MEASURES FAQs FOR ISLAMIC FIXED RATE FINANCING

SOALAN LAZIM MENGENAI LANGKAH-LANGKAH BANTUAN COVID-19 UNTUK PEMBIAYAAN KADAR TETAP PERBANKAN ISLAM

We are constantly updating our FAQs in line with regulatory updates. Please refer here for the updated FAQs.

Kami senantiasa mengemas kini soalan lazim kami mengikut perkembangan semasa. Sila rujuk di sini untuk soalan lazim yang terkini.

This document to be read to together with Standard Chartered Bank Covid-19 Relief Measures FAQs

Dokumen ini mestilah dibaca bersama Soalan Lazim Mengenai Langkah-Langkah Bantuan Covid-19 Standard Chartered

1. What is deferment of financing payment? Apakah penangguhan pembayaran pembiayaan?

It is a **temporary** deferment or suspension of financing payment obligation (principal and profit) for a limited period of time. During this period, customers with financing that meet the conditions do not need to make any payment, and no late payment compensation or penalties will be imposed.

Ini adalah penangguhan atau penggantungan sementara obligasi pembayaran pembiayaan (prinsipal dan keuntungan) untuk jangka waktu yang terhad. Sepanjang tempoh ini, pelanggan yang layak yang mempunyai pembiayaan yang memenuhi syarat-syarat tertentu tidak perlu membuat sebarang pembayaran dan tiada caj pembayaran lewat atau penalti akan dikenakan.

Profit will continue to accrue on financing payments that are deferred, and clients will need to honour the deferred payments in the future financing payment resumes after the deferment period.

Keuntungan akan terus terakru keatas pembayaran pembiayaan yang ditangguhkan, dan pelanggan perlu membuat bayaran yang ditangguhkan dalam pembayaran pembiayaan pada masa akan datang setelah tamat tempoh penangguhan.

2. What are the changes in terms and condition for the Islamic fixed rate financing deferment programme? Apakah perubahan terma dan syarat untuk program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan islam?

The eligibility criteria and the general terms and condition for the Islamic fixed rate financing deferment programme under Standard Chartered Saadiq Berhad ("Bank") are the same as per the Bank's Covid-19 Relief Measure FAQs. The payment deferment is still automatic for Islamic fixed rate financing from 1 April 2020 up to September 2020.

Kriteria kelayakan dan terma dan syarat umum untuk program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam di bawah Standard Chartered Saadiq Berhad ("Bank") adalah

sama seperti yang tertera dalam Soalan Lazim Mengenai Langkah-Langkah Bantuan Covid-19 pihak bank. Penangguhan pembayaran masih secara automatik untuk pembiayaan kadar tetap perbankan Islam daripada 1 April 2020 sehingga September 2020.

However, you are required to provide consent to defer the payment of your Islamic fixed rate financing by 22 August 2020. This additional step is to meet the procedural requirement under Shariah to conclude the change of the Sale Price resulting from the additional profit for the deferment payment.

Walau bagaimanapun, anda dikehendaki untuk memberi persetujuan untuk menangguh pembayaran pembiayaan kadar tetap perbankan Islam anda selewat-lewatnya pada 22 Ogos 2020. Langkah tambahan ini adalah untuk memenuhi syarat prosedur Syariah untuk mengubah Harga Jualan ekoran penambahan keuntungan untuk penangguhan pembayaran.

If you do not respond to our SMS by 22 August 2020, we will send you a letter to confirm your consent for the Financing Deferment Programme. The Bank deems that you are agreeable to appoint the Bank as your agent for the sales and purchase transactions for your financing account based on the Agency Appointment Terms and Conditions and proceed with Financing Deferment Programme.

Sekiranya anda tidak memberi maklum balas terhadap SMS kami selewat-lewatnya pada 22 Ogos 2020, kami akan menghantar surat untuk mengesahkan persetujuan anda untuk Program Penangguhan Pembiayaan. Pihak Bank menganggap bahawa anda bersetuju untuk melantik pihak Bank sebagai Wakil anda untuk transaksi jual beli bagi akaun pembiayaan anda berdasarkan Terma dan Syarat Pelantikan Agensi dan akan meneruskan Program Penangguhan Pembiayaan.

If you are not agreeable to appoint the Bank as your Agent for the sales and purchase transactions and do not wish to proceed with Financing Deferment Programme, you need to call our Client Care Executives at 1300 888 888 or +603 7711 8888 if you are calling from overseas to be excluded from the Financing Deferment Programme, and settle all the monthly instalments incurred during this Financing Deferment Programme period before we proceed with your request. You must call and make the payment before 30 September 2020.

Sekiranya anda tidak bersetuju untuk melantik pihak Bank sebagai Wakil anda untuk transaksi jual beli dan anda tidak berminat untuk meneruskan Program Penangguhan Pembiayaan, anda perlu menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1 300 888 888 atau +603 7711 8888 jika anda membuat panggilan dari luar negara untuk dikecualikan daripada Program Penangguhan Pembiayaan. Anda mestilah menyelesaikan semua ansuran bulanan yang telah tertunggak semasa tempoh Program Penangguhan Pembiayaan sebelum kami dapat meneruskan dengan permintaan untuk pengecualian. Anda hendaklah menghubungi pihak Bank dan membuat pembayaran sebelum 30 September 2020.

This FAQ highlights the specific requirements under the Islamic fixed rate financing deferment programme.

Soalan lazim ini menekankan syarat-syarat khusus di bawah program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam.

3. What do I need to do to provide consent to defer the payment for my Islamic fixed rate financing?

Apakah yang perlu saya lakukan untuk memberi persetujuan bagi menangguh pembayaran untuk pembiayaan kadar tetap perbankan Islam saya?

An SMS notifying the additional profit for the payment deferment will be sent to you and you are required to provide consent on the deferred payment by responding to the SMS by 22 August 2020. The SMS also provides a link to the Requirement Under the Islamic Fixed Rate Financing Deferment Programme document on the website which notifies the terms and conditions on the new agreement relating to the change of the Sale Price following the payment deferment.

Satu SMS yang memberitahu mengenai keuntungan tambahan untuk penangguhan pembayaran akan dihantar kepada anda dan anda diminta untuk memberi persetujuan terhadap penangguhan pembayaran dengan menjawab SMS tersebut selewat-lewatnya pada 22 Ogos 2020. SMS ini juga menyediakan pautan ke dokumen Keperluan di bawah Program Penangguhan Pembayaran Pembiayaan Kadar Tetap Perbankan Islam di laman web Bank yang memberitahu akan terma dan syarat mengenai perjanjian baharu berkaitan dengan perubahan Harga Jualan berikutan penangguhan pembayaran.

Alternatively, you may provide your consent by calling our Client Care Centre at 1300 888 888 or +603 7711 8888 if you are calling from overseas.

Sebagai alternatif, anda juga boleh memberikan persetujuan anda dengan menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1 300 888 888 atau +603 7711 8888 jika anda membuat panggilan dari luar negara.

4. Which of the Bank's products are included under the Islamic fixed rate financing deferment programme?

Apakah produk yang termasuk dalam program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam?

The products included in the Islamic fixed rate financing deferment programme are:

Produk yang termasuk dalam program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam adalah:

- Personal Financing-i (PF-i)
- BizFinancing-i
- Guaranteed Instalment Financing (GIF)
- Saadiq BBA Just Home-i and BizProperty-i

5. What happens to my existing Shariah Contract for Islamic fixed rate product under the Financing Deferment Programme?

Apakah yang berlaku dengan Kontrak Syariah sedia ada saya untuk produk pembiayaan kadar tetap perbankan Islam di bawah Program Penangguhan Pembiayaan?

For Account under the Contract of Commodity Murabahah:

Untuk Akaun di bawah Kontrak Komoditi Murabahah:

If you provide consent for the Islamic fixed rate financing deferment programme or if you do not request for exemption from the Financing Deferment Programme by 30 September 2020, the existing Shariah contract is to be terminated and it is deemed that you are appointing the Bank as an agent to enter into new sale and purchase of transactions based on the terms and conditions contained in the Requirement Under the Islamic Fixed Rate Financing Deferment Programme on the website.

Sekiranya anda memberikan persetujuan untuk program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam atau jika anda tidak membuat permohonan pengecualian daripada Program Penangguhan Pembiayaan selewat-lewatnya pada 30 September 2020, kontrak Syariah sedia ada akan ditamatkan dan dianggap bahawa anda melantik pihak Bank sebagai Wakil untuk melakukan transaksi jual beli baharu berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam Keperluan di bawah Program Penangguhan Pembiayaan Kadar Tetap Perbankan Islam yang tertera di laman web Bank.

A Commodity Murabahah transaction will be performed based on the new Sale Price to accrue the 6-month moratorium financing deferment profit. We will conduct the Commodity Murabahah transactions after the deferment programme ends and share the details post completion of the Commodity Murabahah transactions.

Transaksi Komoditi Murabahah akan dilakukan berdasarkan Harga Jualan baharu untuk memperoleh keuntungan penangguhan pembiayaan selama 6 bulan moratorium. Kami akan melakukan transaksi Komoditi Murabahah setelah program penangguhan tamat dan akan berkongsi butiran-butiran setelah selesai transaksi Komoditi Murabahah.

For Accounts under the Contract of Bai Inah:

Untuk Akaun di bawah Kontrak Bai Inah:

If you provide consent for the Islamic fixed rate financing deferment programme or if you do not request for exemption from the Financing Deferment Programme by 30 September 2020, the existing Shariah contract is to be terminated and your account will be converted to the new contract of Commodity Murabahah; and it is deemed that you are appointing the Bank as an agent for the sale and purchase transactions based on the terms and conditions contained in the Requirement Under the Islamic Fixed Rate Financing Deferment Programme on the website.

Sekiranya anda memberikan persetujuan untuk program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam atau jika anda tidak membuat permohonan pengecualian daripada Program Penangguhan Pembiayaan selewat-lewatnya pada 30 September 2020, kontrak Syariah sedia ada akan ditamatkan dan akaun anda akan ditukarkan kepada kontrak baharu iaitu Komoditi Murabahah; dan dianggap bahawa anda melantik pihak Bank sebagai Wakil untuk melakukan transaksi jual beli baharu berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam Keperluan di bawah Program Penangguhan Pembiayaan Kadar Tetap Perbankan Islam di laman web kami.

A Commodity Murabahah transaction will be performed based on the new Sale Price to accrue the 6-month moratorium financing deferment profit. We will conduct your Commodity Murabahah after the deferment programme ends and share the details post completion of the Commodity Murabahah transactions.

Transaksi Komoditi Murabahah akan dilakukan berdasarkan Harga Jualan baharu untuk memperoleh keuntungan penangguhan pembiayaan selama 6 bulan moratorium. Kami akan melakukan transaksi Komoditi Murabahah setelah program penangguhan tamat dan akan berkongsi butiran-butiran setelah selesai transaksi Komoditi Murabahah.

6. What happens if I decide not to proceed with the Islamic fixed rate financing deferment programme after deferring payments during the moratorium period? Apakah yang akan berlaku sekiranya saya memutuskan untuk tidak meneruskan program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam setelah menangguhkan bayaran semasa tempoh moratorium?

If you choose not to proceed under the Islamic fixed rate financing deferment programme and you have deferred your instalments during the moratorium period, you need to pay all the monthly instalment/s incurred during this period before we proceed with your exclusion request. Your tenure and schedule payment will be based on your existing financing arrangement. There will be no additional profit and no Commodity Murabahah transactions will be performed for your financing accounts.

Sekiranya anda memilih untuk tidak meneruskan program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam dan anda telah menangguhkan bayaran ansuran anda semasa tempoh moratorium, anda dikehendaki untuk membuat bayaran ke atas semua ansuran bulanan yang tertangguh selama tempoh ini sebelum kami dapat meneruskan dengan permintaan pengecualian anda. Tempoh pembiayaan dan jadual pembayaran anda bergantung kepada pengaturan pembiayaan sedia ada anda. Tiada keuntungan tambahan akan dikenakan dan tiada transaksi Komoditi Murabahah akan dilakukan untuk akaun pembiayaan anda.

7. Will I be charged additional profit on the payment amount that is deferred by 6 months during the deferment period? Adakah saya akan dikenakan keuntungan tambahan ke atas jumlah pembayaran yang ditangguhkan selama 6 bulan tempoh penangguhan?

Yes, there will be additional profit since the profit will continue to accrue on the outstanding principal balance amount. Commodity Murabahah transactions will be performed for the change of Sale Price to accrue the 6-month moratorium financing deferment profit ie additional profit.

Ya, akan ada keuntungan tambahan kerana keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah baki prinsipal yang belum dijelaskan. Transaksi Komoditi Murabahah akan dilakukan untuk perubahan Harga Jualan bagi memperoleh keuntungan penangguhan pembiayaan moratorium selama 6 bulan iaitu keuntungan tambahan.

Since you do not need to pay any instalments for 6 months and your instalment after the deferment period remains the same, the financing tenure will be extended.

Oleh kerana anda tidak perlu membayar ansuran selama 6 bulan dan tiada perubahan terhadap jumlah bayaran ansuran anda setelah tamat tempoh penangguhan, tempoh pembiayaan akan dilanjutkan.

Hence, customers are strongly advised to carefully consider the impact after payment deferment period and should continue paying their financing obligations if they can afford it. Please contact us should you require further assistance.

Oleh itu, pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti kesan setelah tamat tempoh penangguhan pembayaran dan teruskan membayar obligasi pembiayaan mereka sekiranya mereka mampu. Sila hubungi kami sekiranya anda memerlukan bantuan lebih lanjut.

**8. What would happen to my financing payments after the deferment package period?
Apa yang akan berlaku dengan pembayaran pembiayaan saya selepas tamat tempoh pakej penangguhan?**

Your monthly instalment/s will be used to settle the financing deferment accrued profit before reducing the outstanding financing amount. Profit will continue to accrue on the outstanding principal amount, but it will not be compounded and subject to the new Sale Price.

Ansuran bulanan anda akan digunakan untuk menyelesaikan keuntungan terakru akibat penangguhan pembiayaan sebelum mengurangkan jumlah pembiayaan yang belum dijelaskan. Keuntungan akan terus terakru pada jumlah prinsipal belum dijelaskan, tetapi keuntungan tersebut tidak akan dikompoun dan ianya tertakluk kepada Harga Jualan yang baharu.

Your tenure will remain unchanged whereas instalment after the deferment period remains except for the final month which will be higher due to the amortization of the financing deferment profit accrue.

Tiada perubahan ke atas tempoh pembiayaan dan ansuran bulanan setelah tamat tempoh penangguhan kecuali pada bulan terakhir yang mana, jumlah ansuran bulanan akan menjadi lebih tinggi akibat pelunasan keuntungan terakru penangguhan pembiayaan.

Please refer to the Requirement Under the Financing Deferment Programme for Islamic Fixed Rate Accounts and Additional Requirements Under the Islamic Fixed Rate Financing Deferment Programme document on the website which notifies the terms and conditions on the new agreement relating to the change of the Sale Price following the payment deferment. The Bank will notify you of the revision to your financing payment schedule. Sila rujuk kepada dokumen Keperluan di bawah Program Penangguhan Pembiayaan Kadar Tetap Perbankan Islam dan Keperluan Tambahan di bawah Program Penangguhan Pembiayaan Kadar Tetap Perbankan Islam di laman web yang memberitahu terma dan syarat ke atas perjanjian baharu berkaitan dengan perubahan Harga Jualan berikutan penangguhan pembayaran. Pihak Bank akan memberitahu anda mengenai perubahan jadual pembayaran pembiayaan.

Hence, you are strongly advised to carefully consider the impact after payment deferment period and should continue paying your financings obligations if you can afford it. Please contact our Client Care Centre at 1300 888 888 or +603 7711 8888 if you are calling from overseas, should you require further assistance.

Oleh itu, pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti kesan setelah

tamat tempoh penangguhan pembayaran dan teruskan membayar obligasi pembiayaan mereka sekiranya mereka mampu. Sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1300 888 888 atau +603 7711 8888 jika anda membuat panggilan dari luar negara, sekiranya anda memerlukan bantuan lebih lanjut.

**9. How do I know if my financing is enrolled into the deferment package?
Bagaimana saya tahu sekiranya pembiayaan saya dimasukkan ke dalam pakej penangguhan?**

The Bank will notify you of the revision to your financing payment schedule. Hence, you are strongly advised to carefully consider the impact after payment deferment period and should continue paying your financings obligations if you can afford it.

Pihak Bank akan memberitahu anda mengenai perubahan jadual pembayaran pembiayaan anda. Oleh itu, pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti kesan setelah tamat tempoh penangguhan pembayaran dan teruskan membayar obligasi pembiayaan mereka sekiranya mereka mampu.

Please contact our Client Care Centre at 1300 888 888 or +603 7711 8888 if you are calling from overseas, should you require further assistance.

Sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1300 888 888 atau +603 7711 8888 jika anda membuat panggilan dari luar negara, sekiranya anda memerlukan bantuan lebih lanjut.

**10. If I want to be excluded from the fixed rate financing deferment programme, will I be able to do so?
Sekiranya saya ingin dikecualikan dari program penangguhan pembiayaan kadar tetap perbankan Islam, adakah saya dapat melakukannya?**

Yes, you can notify us by:

Ya, anda boleh memberitahu kami melalui:

- Calling our Client Care Centre at 1300 888 888 or +603 7711 8888 if you are calling from overseas.

Hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1300 888 888 atau +603 7711 8888 jika anda membuat panggilan dari luar negara

Please do take note that you need to pay all the monthly instalment/s incurred during the deferment period before we proceed with your exclusion request (details as per Question 6). Sila ambil maklum bahawa anda perlu membuat bayaran untuk semua ansuran bulanan yang tertunggak semasa tempoh penangguhan sebelum kami dapat meneruskan dengan permintaan pengecualian anda (butiran seperti soalan 6)

11. Is there a specific period that I can choose to be excluded from this payment deferment?

Adakah terdapat tempoh tertentu yang saya boleh pilih untuk dikecualikan dari penangguhan pembayaran ini?

You can notify us latest by 30 September 2020.

Anda boleh memberitahu kami selewat-lewatnya pada 30 September 2020.